



29 Mac 2013  
29 March 2013  
P.U. (A) 113

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (PENGELUARAN PERMIT, LESEN DAN PERAKUAN) 2013

*MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES (ISSUANCE OF PERMIT, LICENCE AND CERTIFICATE) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA 2011**

**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN  
MALAYSIA (PENGELUARAN PERMIT, LESEN DAN PERAKUAN) 2013**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 49(2)(c) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [*Akta 728*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Pengeluaran Permit, Lesen dan Perakuan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2013.

**Permohonan permit, lesen dan perakuan**

2. (1) Mana-mana orang yang ingin mengimport atau mengeksport apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, atau mikroorganisma hendaklah memohon suatu permit, lesen atau perakuan untuk mengimport, atau suatu permit atau lesen untuk mengeksport daripada Ketua Pengarah.

(2) Suatu permohonan bagi permit, lesen dan perakuan yang disebut dalam subperaturan (1) hanya boleh dibuat selepas seseorang pemohon itu berdaftar sebagai seorang pengimport, pengeksport atau ejen dengan Ketua Pengarah.

(3) Pengimport, pengeksport atau ejen itu hendaklah membuat permohonan secara bertulis bagi permit, lesen atau perakuan itu mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

**Permit, lesen dan perakuan tidak boleh dipindah milik**

3. Mana-mana pemegang suatu permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh memindah milik atau membenarkan permit, lesen atau perakuan itu digunakan oleh mana-mana orang selain pemegang permit, lesen atau perakuan itu sama ada secara sengaja atau tidak.

**Pembaharuan lesen**

4. (1) Suatu permohonan bagi pembaharuan lesen hendaklah dibuat dalam cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana permohonan untuk membaharui lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam tempoh dua bulan sebelum tarikh akhir lesen.

(3) Sekiranya sesuatu permohonan untuk membaharui lesen itu diterima oleh Ketua Pengarah selepas tamat tempoh lesen berkenaan, permohonan itu hendaklah dikira sebagai suatu permohonan lesen yang baharu.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), suatu lesen import dan eksport bagi binatang hidup hendaklah dibuat bagi setiap aktiviti pengimportan atau pengeksportan.

**Penggantungan dan pembatalan permit, lesen dan perakuan**

5. (1) Ketua Pengarah boleh menggantung atau membatalkan sesuatu permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

(a) pemegang permit, lesen atau perakuan melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas permit, lesen atau perakuan itu;

(b) pemegang permit, lesen atau perakuan telah mendapatkan permit, lesen atau perakuan itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;

- (c) pemegang permit, lesen atau perakuan telah berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa aktiviti yang baginya permit, lesen atau perakuan itu dikeluarkan;
  - (d) telah berlaku apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh pemegang permit, lesen atau perakuan atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang permit, lesen atau perakuan itu tidak lagi berhak untuk diberikan permit, lesen atau perakuan di bawah Peraturan-Peraturan ini; atau
  - (e) sekiranya agensi atau jabatan yang berkaitan telah memberikan suatu notis mengenai sesuatu wabak penyakit atau perosak tertentu di suatu negara pengeksport atau hal-hal yang lain yang berisiko;
- (2) Pemegang permit, lesen atau perakuan yang permit, lesen atau perakuannya digantung atau dibatalkan—
- (a) tidak berhak ke atas apa-apa pampasan bagi apa-apa kerugian yang dialaminya; dan
  - (b) tidak berhak ke atas apa-apa bayaran balik fi yang telah dibayar.

#### **Kehilangan permit, lesen atau perakuan**

6. (1) Jika suatu permit, lesen atau perakuan hilang, pemegang permit, lesen atau perakuan itu hendaklah—

- (a) dengan segera membuat laporan polis mengenai kehilangan itu; dan
- (b) dengan segera memaklumkan Ketua Pengarah mengenai kehilangan itu.